



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PEMBUKAAN SEKSYEN 11  
PERSIMPANGAN BERTINGKAT TAIPING SELATAN KE  
PERSIMPANGAN BERTINGKAT BERUAS  
LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (WCE)**

**11 MAC 2024**

**Salutasi (Akan Dikemaskini Setelah Mendapat Maklumbalas Jemputan)**

Yang Berbahagia Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam Haji Ahmad  
Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya

Yang Berusaha Tuan Mohd Sakeri bin Abdul Kadir  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)  
Kementerian Kerja Raya

Yang Berhormat Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad  
Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Ir. Sazali Bin Harun  
Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Ir. Hamzah Hasan  
Pengerusi, West Coast Expressway

Yang Berusaha En. Lyndon Alfred Felix  
Pengarah Urusan, West Coast Expressway

Wakil-wakil Kementerian, Lembaga Lebuhraya Malaysia, agensi-agensi kerajaan dan swasta, Syarikat-syarikat Konsesi, rakan-rakan media, tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian.

## Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

1. Pertama sekali, marilah kita sama-sama menzahirkan rasa syukur kerana dapat bersama-sama dalam Majlis Pembukaan Seksyen 11, Persimpangan Bertingkat Taiping Selatan ke Persimpangan Bertingkat Beruas, Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) atau lebih dikenali sebagai West Coast Expressway (WCE). Pembukaan Seksyen 11 ini adalah tepat pada masanya memandangkan kita akan menyambut bulan Ramadan (berkemungkinan esok hari) dan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi dan tentunya laluan ini memberikan alternatif yang di nanti-nantikan.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada **YAB Dato' Seri Saarani Bin Mohamad, Menteri Besar Perak** kerana telah sudi untuk bersama-sama hadir pada pagi ini. Begitu juga setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Perak dan semua jabatan persekutuan dan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi negeri termasuklah pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) yang telah memainkan peranan dalam merealisasikan projek yang penting untuk rakyat ini. Saya amat mengalu-alukan kerjasama sebegini terus diperkasa dan diperkukuhkan bagi menjamin kejayaan projek-projek Kerajaan yang lain pada masa hadapan demi kesejahteraan dan kebaikan pengguna dan rakyat.
3. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan West Coast Expressway Sdn. Bhd. (WCE) di atas kejayaan pembukaan Seksyen 11, Lebuhraya WCE. Ucapan tahniah dan terima kasih ini juga saya titipkan kepada semua

agensi kerajaan dan swasta yang bekerjasama dalam menjayakan projek lebuh raya ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

4. Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE), memaparkan komitmen kerajaan yang tinggi dalam membina rangkaian lebuh raya secara lebih terancang, sistematik dan cekap bagi meningkatkan kesalinghubungan rakyat di kawasan Pesisiran Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Lebuhraya WCE merupakan laluan alternatif terbaru yang menghubungkan antara Negeri Selangor dan Negeri Perak melibatkan pembinaan jajaran lebuh raya merangkumi Banting, Shah Alam, Kuala Selangor, Tanjung Karang di Selangor dan seterusnya, menyambung jajarannya melewati Hutan Melintang, Teluk Intan, Seri Manjung, Beruas sehingga ke Taiping di Negeri Perak.
5. Selaras dengan misi Kementerian Kerja Raya untuk memperkasakan pembangunan infrastruktur dan memperluaskan rangkaian jalan raya, Lebuhraya WCE dibina dengan matlamat sebagai **laluan alternatif** dalam mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas sekaligus menambah baik jaringan perhubungan atau *inter-connectivity* negara.
6. Kerajaan melalui KKR, JKR dan LLM sentiasa membuat kajian aliran trafik berdasarkan kapasiti sedia ada berbanding bilangan kenderaan di jalanraya. Kajian itu kemudiannya diikuti dengan perancangan dan tindakan bagaimana kita boleh menambah baik kapasiti untuk mengurangkan kesesakan terutama ketika waktu puncak, musim perayaan dan cuti persekolahan di samping mengekalkan misi dalam menyediakan infrastuktur jalan raya yang selamat dan selesa untuk

rakyat. Lebuhraya WCE merupakan salah satu hasil kajian tersebut dan diharapkan akan menjadi pilihan laluan alternatif kepada laluan sedia ada daripada Lembah Klang ke Utara terutamanya bagi penduduk pesisiran pantai barat semenanjung Malaysia dan mereka yang akan ke pantai barat dan utara semenanjung.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

7. Kementerian sentiasa memantau isu-isu terkait kesesakan dan kemalangan jalan raya yang sering melibatkan kenderaan berat di lebuhraya. Seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, pelbagai kajian dan perancangan dikupas di peringkat kementerian, agensi dan pemain industri bagi mencari solusi kepada permasalahan ini. Lebuhraya WCE ini antara yang terhasil sebagai penyelesaian kepada masalah ini. Atas dasar itu, ingin saya sarankan kepada rangkaian logistik bagi kenderaan berat agar dapat menjadikan laluan ini sebagai pilihan, terutamanya yang menghala ke Pelabuhan Lumut, Pelabuhan Teluk Intan dan Pelabuhan Klang.
8. Ini bagi mengelakkan laluan mendaki atau berbukit di samping mengoptimalkan kos operasi serta dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan memberikan perjalanan yang lebih selesa dan selamat kepada pengguna.
9. Dalam usaha KKR untuk meningkatkan kebolehcapaian dan menyediakan lebih keterangkuman, Lebuhraya WCE ini apabila disiapkan sepenuhnya kelak, akan berintegrasi dengan beberapa lebuhraya sedia ada, antaranya Lebuhraya Utara Selatan terutamanya jajaran NKVE, NNKSB, SKVE, LATAR, dan KESAS. Jajarannya juga akan bergabung secara terus dengan Jalan

Persekutuan FT5 di antara Tanjung Karang ke Sabak Bernam, Selangor dan Teluk Intan ke Lekir di Perak. Sambungan strategik bersama lebuh raya-lebuh raya utama negara dan jalan persekutuan ini, dijangka dapat memberikan pengalaman perjalanan yang lebih selesa.

**Hadirin yang dihormati,**

10. **It's not rocket science that systematic and effective road networks will lead to the expansion of economic growth.** Saya mendapati persisiran pantai barat semenanjung ini memiliki pelbagai keistimewaan meliputi makanan tradisi, perniagaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), hasil laut, serta pantai serta pulau yang menarik bagi destinasi pelancongan. Justeru, pembinaan Lebuhraya WCE yang menyusuri kawasan Banting, Shah Alam, Kuala Selangor, Tanjung Karang di Selangor dan seterusnya, Hutan Melintang, Teluk Intan, Bagan Datuk, Seri Manjung, Sitiawan, Beruas sehingga ke Taiping di negeri Perak akan memberi aksesibiliti yang lebih mudah bagi penjanaan aktiviti pelancongan dan ekonomi kepada penduduk setempat.
11. Kawasan-kawasan yang dahulunya tidak mempunyai pilihan jaringan pengangkutan yang luas kini mempunyai lebih keterhubungan ke pusat pertumbuhan yang berpotensi seperti pelabuhan, kawasan perindustrian, kawasan pelancongan dan pusat-pusat komersial serta logistik. Di samping itu, dapat kita lihat pelbagai projek ekonomi dan sosial berpotensi mula tumbuh bak cendawan di sepanjang koridor WCE termasuk projek perumahan dan komersial.
12. Di kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk

mengucapkan syabas dan tahniah kepada KKR, LLM dan semua pihak yang terlibat sama ada agensi kerajaan seperti UKAS, Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara, JKPTG, PTG Perak, JPPH, semua kontraktor terlibat iaitu IJM Construction Sdn Bhd, pihak konsultan seperti Zaidun Leeng Sdn Bhd dan Archimetry Sdn Bhd serta lain-lain pihak yang terlibat dalam kejayaan pembinaan Lebuh raya WCE ini.

**YAB, YB-YB Datuk-datuk, Tuan Puan yang saya hormati sekalian,**

13. Sebagaimana kita sedia maklum, **Program MYJalan**, Kementerian Kerja Raya telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri bertempat di Gerik pada 24 Ogos 2023 yang lalu. Program ini turut memperkenalkan sistem aduan 'One Stop Centre' aplikasi MYJalan, yang memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk mengemukakan aduan mereka berkaitan pelbagai isu infrastruktur jalan. Berteraskan konsep 'No Wrong Door' polisi, KKR sehingga kini telah menerima sebanyak **12,245** aduan melibatkan pelbagai isu infrastruktur jalan raya. Dari jumlah ini, **aduan di bawah seliaan KKR dan JKR adalah sebanyak 3,173 (25.91%)**, manakala **aduan 'No Wrong Door' polisi adalah sebanyak 9,072 aduan (74%)**. Aduan di bawah seliaan KKR dan JKR akan diambil tindakan secepat mungkin manakala aduan bukan kendalian kementerian ini akan disalurkan kepada pihak berwajib seperti Kerajaan Negeri dan PBT. Kita berharap penyaluran aduan ini dapat memudahkan dan membantu Kerajaan Negeri dan PBT melaksanakan tindakan sewajarnya.
14. Data-data aduan kerosakan jalan yang dikumpul melalui aplikasi MYJalan juga dapat dikongsi bersama Kerajaan Negeri, bagi mengenalpasti keperluan kewangan yang mendesak bagi

memperbaiki jalan-jalan rosak di kawasan masing-masing. Ini tidak lain dan tidak bukan, demi memastikan keselamatan dan nyawa rakyat dapat dilindungi.

15. Sistem aduan ini bukanlah hendak mencari salah tetapi lebih kepada manifestasi 'whole of government approach' yang didukung oleh Kementerian ini. Kita tidak mahu lagi 'work in silo' apatah lagi apabila melibatkan nyawa dan kepentingan rakyat. ***Bersama-sama, kita mampu melaksanakannya, kita cuma perlu berada di halaman dan perenggan yang sama.***
16. Melalui MYJalan, saya dan seluruh pasukan KKR dan agensi menghulur tangan kepada Kerajaan Negeri Perak untuk kita bersama-sama di dalam program ini bagi mempertingkatkan lagi kualiti infrastruktur yang disediakan untuk rakyat.
17. Suka ingin saya kongsi sedikit, aplikasi MYJalan ini juga telah menarik minat beberapa syarikat konsesi lebuhraya untuk mengintegrasikan kemudahan di aplikasi mereka bersama aplikasi MYJalan. Saya menyeru penglibatan lebih ramai pemain industri untuk memastikan fokus utama iaitu menyejahterakan rakyat dapat dicapai.
18. Melalui pertemuan bersama YAB Menteri Besar Johor, Negeri Sembilan, Pahang dan juga Timbalan Premier Sarawak baru-baru ini, Kementerian telah menerima respon yang sangat baik terhadap program MYJalan. YAB Menteri Besar dari ketiga-tiga negeri ini dan juga YB Timbalan Premier telah menyatakan persetujuan untuk bersama-sama kementerian menganjurkan pelaksanaan program ini secara menyeluruh di peringkat negeri. God's will, Kementerian



bercadang untuk menjelajah ke seluruh negara membawa program ini kepada rakyat. ***'MYJalan, Ke Tempat Anda!'***

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan, ingin saya menitipkan pesanan kepada semua pihak agar sama-sama mengambil tanggung jawab kepada infrastruktur jalan raya kita. Ini melibatkan nyawa rakyat dan saya merasa berdosa jika saya tidak menjalankan amanah saya dengan baik di sini. Semua pihak termasuk syarikat konsesi yang diberi kontrak, tanggung jawab dan tentunya amanah dalam menjaga dan menyelenggara jalan, perlulah melaksanakan tugas dengan sebaiknya. Sudah kerap kali saya tekankan, saya memantau semua prestasi syarikat konsesi. Segala aduan saya teliti. Saya juga sudah nyatakan berkali-kali, saya akan **melaksanakan sistem KPI kepada semua syarikat konsesi** yang menyenggarakan jalan persekutuan termasuk lebuhraya.

20. Di pihak pengguna jalan raya pula, ingin saya berpesan bahawa jalan ini jalan kita bersama dan bersama-samalah kita menjaganya. Pandu dengan berhemah dan selamat, jaga kebersihan jalan raya kita, jangan membuang sampah di lebuhraya dan patuhlah kepada panduan keselamatan sepanjang pemanduan anda.

21. Dengan rasa syukur dan rendah hati, sukacita saya **merasmikan pembukaan Lebuhraya WCE Seksyen 11 dari Persimpangan Bertingkat Taiping Selatan ke Persimpangan Bertingkat Beruas ini**. Laluan ini boleh digunakan oleh pengguna jalanraya bermula pada **12 Mac 2024 dari jam 12.01 minit tengah**

**malam. Pengecualian tol diberikan kepada pengguna yang memasuki Lebuhraya WCE Seksyen 11 ini iaitu dari Plaza Tol Taiping Selatan, Plaza Tol Trong dan Plaza Tol Beruas (di kedua-dua arah) bermula 12 Mac 2024 sehingga 11 Mei 2024 selama dua (2) bulan mengambil kira perayaan Aidilfitri yang akan datang.**

22. Manakala bagi pengguna yang memasuki Lebuhraya WCE dari Plaza tol yang telah dibuka sebelum ini seperti Plaza Tol Lekir, Sitiawan, Sitiawan Utara dan Changkat Cermin, nilai kadar tol bagi jajaran berkenaan akan dikenakan seperti biasa. Hanya kadar tol jajaran Seksyen 11 iaitu Taiping Selatan - Trong - Beruas sahaja yang diberi tol percuma.
23. Akhir kata, Selamat Berpuasa kepada semua umat Islam di seluruh Malaysia khususnya dan pengguna lebuhraya amnya yang menggunakan Lebuhraya WCE ini.

Sekian, terima kasih.